

# BAB SATU

## PENDAHULUAN

### 1.1 Latar Belakang dan Permasalahan Kajian

Berakhirnya Perang Dingin antara blok kapitalis dengan blok komunis di Eropah pada tahun 1989 berikutan runtuhnya Tembok Berlin tidak bermakna konflik dan sengketa politik, ideologi dan kemanusiaan juga telah berakhir secara muktamad. Sebaliknya blok kapitalis Barat yang memenangi Perang Dingin terus berhadapan dengan musuh baru. Seakan suatu yang dirancang – kerana memenuhi tesis Huntington iaitu ‘*Clash of Civilizations*’ sebagai *self-fulfilling prophecy* – suasana konflik diwarnai pula oleh musuh lama Barat<sup>1</sup> atau *Christendom* iaitu ‘*The Green Peril*’ atau kuasa Islam. Sejak saat itu hubungan Islam dengan Barat telah memenuhi isu dan wacana serta polemik dalam media dan kajian ilmiah. Kenyataannya ia telah menjadi topik yang amat tipikal di kalangan para sarjana, ahli politik, pembuat dasar negara dan juga rakyat umum.

Hubungan gerhana antara Islam dengan Barat ini kemudiannya mendapat momentum baru dan mengundang perhatian semua pihak semenjak tercetusnya Tragedi

---

<sup>1</sup> Islam adalah musuh tradisi kuasa Kristian Barat (Eropah). Siri Perang Salib selama 200 tahun yang dimenangi Islam menjadi salah satu faktor yang mendorong permusuhan berterusan Barat terhadap Islam. Perang Barat terhadap Islam sebenarnya tidak berakhir. Kini, dalam bentuknya yang baru, ia menjajah umat Islam dalam bentuk pemikiran dan budaya.

11 September 2001 lalu. Hubungan yang terjalin antara dua pihak kini terus disuasanakan oleh ketegangan dan krisis yang sering memuncak. Ramai pihak telah menjadi mangsa dan korban ekoran daripada konflik yang tercetus, khususnya – setidak-tidaknya menurut pendapat umum – dari kalangan kaum muslimin di seluruh pelosok dunia. Pihak Barat pula sering di pihak yang ofensif, sementara Islam di pihak yang defensif. Penaklukan Iraq oleh Tentera Bersekutu, penyembelihan berterusan rakyat Palestin oleh Rejim Zionis Israel, penggulingan regim Taliban di Afghanistan oleh Amerika Syarikat adalah antara beberapa contoh jelas bagi menggambarkan konflik yang wujud di antara Islam dengan Barat. Hubungan sebegini dan natijahnya bukanlah suatu yang terpencil tetapi bersifat global. Implikasi ke atas sistem dan tatacara sistem global adalah devastatif. Justeru, semua pihak adalah bertanggungjawab untuk membendung gejala ini sebelum kemusnahan global menjadi suatu kenyataan.

Sebagai isu sejagat yang menentukan kestabilan iklim politik dan ekonomi dunia, maka kajian ke atas bentuk atau pola hubungan semasa yang wujud di antara Islam dengan Barat telah dipilih oleh penulis. Penekanan ke atas dua kuasa atau blok ini sengaja dipilih kerana Islam adalah mewakili kuasa atau peradaban timur lama yang sering dirujuk atau diasosiasikan dengan punca terrorisme dan fundamentalisme serta sering dimangsakan oleh kebanyakan pihak, manakala Barat pula adalah pihak yang sedang menguasai dunia melalui agenda ‘Tatacara Baru Dunia’ dan globalisasinya. Seperti yang telah dinyatakan di atas, Barat telah muncul dan juga mendakwa ia sebagai kuasa tunggal atau unipolar yang bertanggungjawab menjaga keamanan dunia pasca-Perang Dingin kira-kira 14 tahun lalu. Ironisnya, dunia masih juga tidak surut dari

konflik dan kemelut sesama manusia – sama ada pertembungan kerana agama, ras atau warna kulit, atau kerana motif politik. Bahkan pada alaf baru ini pun kelihatannya tragedi pembunuhan manusia dan harta benda secara besar-besaran masih berterusan dan menjadi-jadi. Malangnya, mengikut pandangan umum, semua ini diangkarakan oleh tindak-tanduk hegemonik Amerika Syarikat – yang mengaku sebagai polis dunia - ke atas negara lemah, khasnya negara yang dikuasai pemerintah Islam. Sejarah merakamkan bahawa perseteruan antara kedua pihak ini iaitu Islam dengan Barat telah lama berlangsung, dan sehingga kini, dalam bentuknya yang baru, ia terus berlangsung dan tiada tanda-tanda jelas dan menyakinkan bahawa perseteruan ini akan menemui titik noktahnya.

Dari sudut sejarah penulis juga ingin mengkaji latar belakang yang mewujudkan hubungan semasa dua pihak ini, dan faktor-faktor yang mendoronginya. Dalam konteks ini, penulis berharap dapat menentukan adakah benar dakwaan bahawa permusuhan ini berakar umbi dari ajaran agama, atau disebabkan oleh dorongan motif politik atau sebab-sebab lain lagi.

Kemudian penulis cuba melihat satu pendekatan yang lebih bertoleransi yang boleh mempertemukan kedua belak pihak ini bagi mencari jalan penyelesaian ke atas konflik yang sedang berlaku, iaitu dialog peradaban. Didorong oleh keinginan mendalam terhadap kedamaian sesama manusia, penulis ingin meninjau natijah-natijah yang dijangka. Dengan ini penulis ingin melihat adakah dialog peradaban ini boleh berperanan secara efektif bagi membantu usaha-usaha lain yang telah dan sedang berjalan kini untuk

mengatasi konflik dalam hubungan kedua pihak ini. Potensi ini dan halangan yang wujud sama ada dari sudut politik, agama, sosial dan lain-lain akan dikaji sebelum kesimpulan akhir dapat dibuat penulis. Sebagai melengkapi kajian ini penulis turut mencadangkan kaedah-kaedah yang praktikal bagi mengatasi halangan-halangan yang nyata dalam penganjuran dialog peradaban.

## **1.2 Metodologi Kajian**

Kajian ini akan dijalankan dalam ruang masa yang terbatas. Justeru, ia hanyalah bersifat kualitatif sepenuhnya di mana segala hujah atau argumen bagi menyokong atau menolak hipotesis kajian disandarkan kepada bahan-bahan kajian kepustakaan, kebanyakannya daripada sumber sekunder.

Melalui bahan-bahan dan dapatan tersebut, penulis akan menggunakan kaedah analisis secara induktif dan deduktif sebelum membuat kesimpulan kajian.

## **1.3 Kajian Kepustakaan**

Hasil semakan ke atas kajian-kajian yang lepas penulis mendapati kajian mengenai dialog peradaban secara khusus mengenai Islam dan Barat belum pernah dilakukan. Namun, kajian yang paling dekat sebagai sumber rujukan awal ialah kajian oleh Mohd. Shauki bin

Abd. Majid bertajuk 'Kepentingan Dialog Peradaban Islam-Kristian: Satu Kajian Berdasarkan Pemikiran Alwi Shihab'. Kajian yang disiapkan pada tahun 2001 ini mempunyai sedikit perkaitan dengan Barat kerana Kristian adalah agama orang Barat. Justeru, penulis boleh mendapat sedikit gambaran mengenai hubungan Islam dengan Barat dalam konteks kehidupan beragama sepertimana yang dikaji oleh Mohd. Shauki Abd. Majid.

Dalam kajian ini, penulis telah merujuk karya-karya akademik, khasnya yang ditulis oleh para sarjana asing. Ini adalah kerana relatifnya bidang ini masih baru di negara kita. Antara lain tulisan-tulisan oleh orientalis dapat memberikan gambaran pandangan Barat terhadap Islam sama ada sebagai peradaban, budaya atau agama. Tulisan provokatif oleh Samuel P. Huntington: *The Clash of Civilizations and The Remaking of World Order* (1996), Bernard Lewis: *What Went Wrong?: Western Impact and Middle Eastern Response* (2002) dan *The Crisis of Islam: Holy War and Unholy Terror* (2003) adalah antara yang dirujuk penulis. Tidak ketinggalan pandangan daripada sarjana yang lebih objektif penilaiannya seperti John L. Esposito: *Islamic Threat: Myth or Reality?* (1995) dapat memberi pandangan yang lebih jernih mengenai punca krisis dalam hubungan Islam dengan Barat. Penulis juga merujuk kepada pakar agama dan Timur Tengah iaitu Charles Kimball yang telah menulis mengenai fenomena agama sebagai punca keganasan melalui bukunya bertajuk *When Religion Becomes Evil* (2002). Tulisan David Allen Rivera bertajuk *The New World Order Exposed : A Chilling Historical Inquiry Into The Invisible, All-Powerful Force Ruling The World!* (1997) pula mendedahkan wujudnya peranan dan konspirasi Zionis Yahudi melalui agendanya untuk

menguasai dunia. Keterlibatan Amerika Syarikat sebagai proksi Yahudi – seperti yang pernah disuarakan sendiri oleh Perdana Menteri keempat Malaysia dalam satu ucapan utamanya – turut didedahkan dalam buku setebal 397 halaman ini.

Pandangan-pandangan para orientalis ini diimbangi oleh pandangan daripada sarjana Islam yang berkarya dalam Bahasa Inggeris atau karya-karya terjemahan ke dalam Bahasa Inggeris. Misalnya tulisan oleh Maulana Wahiduddin Khan: *Islam Rediscovered* (2001), Amin Saikal: *Islam and The West: Conflict or Cooperation* (2003), A.G.Noorani: *Islam and Jihad* (2002), Dr Louay Fatoohi: *Jihad in the Qur'an* (2002), Abdullah Y. Zealloum: *Painting Islam As The New Enemy: Globalization & Capitalism in Crisis* (2003), Dr. Ahmad Zidan: *World Arrogance* (1994) dan Anwar Al-Jundi: *Pengaruh Barat: Cabaran Paling Merbahaya kepada Umat Islam* terjemahan daripada karya asal berbahasa ‘Arab (1983).

Penulis turut mendapatkan bahan kajian daripada sumber atau terbitan tempatan. Misalnya buku-buku yang diterbitkan oleh IKIM dan Universiti Malaya (khususnya melalui Pusat Dialog Peradaban) iaitu antara beberapa pihak yang telah banyak menganjurkan seminar dan bengkel berkenaan ‘Dialog Peradaban’. Buku bertajuk “*Towards A Positive Islamic World-View: Malaysian and American Perceptions*” yang diterbitkan pada tahun 1993, hasil daripada seminar mengenai “*Islam and Its World-View: An American Perception*” yang dianjurkan bersama antara IKIM dengan The Malaysian-American Commission on Educational Exchange (MACEE) banyak memberikan pemahaman mengenai pandangan semesta, sikap dan pendekatan yang terjalin dalam hubungan dulu

dan semasa antara dunia Barat dengan Islam. Manakala ide mengenai dialog peradaban diperolehi daripada buku bertajuk '*Towards A Common Civilization*' yang memuatkan syarahan umum Hans Keung dan Mohd Kamal Hassan (1997), *Agama dan Dialog Antar Peradaban* (1996) disunting oleh M. Nasir Tamara dan Elza Peldi Taher dan lain-lain karya.

Pandangan Chandra Muzaffar<sup>2</sup> mengenai sikap dan tindakan sebenar Barat sejak zaman dulu hingga kini juga dipetik daripada koleksi kertas kerjanya yang diterbitkan ke dalam bentuk buku. Bahan-bahan ini termuat dalam bukunya bertajuk "*Muslim, Dialogue, Terror*" yang diterbitkan oleh The International Movement for a Just World (JUST) pada 2003. Manakala buku *Terrorising the Truth: The Shaping of Contemporary Images of Islam and Muslims in Media, Politics and Culture* (1997) yang diterbitkan juga oleh JUST memuatkan pandangan sarjana Barat dan Islam mengenai usaha Barat, secara terancang dan dengan niat, untuk membentuk pandangan umum dunia terhadap Islam sebagai suatu yang memberi imej dan kesan negatif kepada usaha membentuk peradaban dunia yang aman dan sejahtera. Satu lagi terbitan JUST iaitu *Dominance of The West Over the Rest* (1995) pula menyumbang banyak maklumat mengenai hipokrasi dunia Barat yang boleh dikesan melalui pendirian dan tindak tanduk politik dalam mewujudkan keamanan dunia. Buku ini mendedahkan niat hegemoni Barat terhadap negara bukan Barat yang dianggap tidak bertamadun, termasuk negara Islam. Sebuah buku karya penulis tempatan iaitu Asmady Idris bertajuk *Amerika Syarikat: Satu Kuasa Hegemoni*

---

<sup>2</sup> Beliau merupakan pengarah pertama Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya yang telah diasaskan pada 1996, hasil cetusan idea Anwar Ibrahim (ketika itu sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia). Beliau adalah antara sarjana tempatan yang banyak menyumbang idea mengenai ketamadunan dan keadilan dunia.

*Dunia* (2000) pula mendedahkan karektor kuasa hegemoni Amerika Syarikat sebagai kuasa unipolar pasca Perang Dingin.

Tidak ketinggalan juga rujukan dibuat ke atas dokumen-dokumen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengenai pemasyhuran tahun 2001 sebagai “Tahun Dialog Peradaban” dan seminar serta bengkel yang diadakan susulan daripada itu. Kertas-kertas kerja adalah antara penyumbang kepada idea dan gambaran utama kerana bidang ini – seperti yang dinyatakan di peringkat awal – masih baru (*as a new emerging dicipline*) dan memerlukan pandangan-pandangan dari pelbagai bidang untuk memperkukuhkan epistemologi disiplin dialog peradaban. Kertas kerja terbaru mengenai bidang kajian penulis ialah daripada perbincangan meja bulat ‘Islam dan Dialog Peradaban’ di Universiti Malaya yang dihadiri penulis.

Kajian penulis juga disempurnakan oleh petikan daripada jurnal, majalah dan akhbar, selain daripada melalui kajian bahan-bahan berkaitan di internet.

#### **1.4 Skop Kajian**

Sebelum membincangkan mengenai hubungan Islam-Barat ini, elok penulis mentakrifkan istilah dasar dalam kajian ini iaitu ‘Islam’ dan ‘Barat’ terlebih dahulu. Melihat secara sekali imbas pun penggunaan dua istilah ini mungkin boleh mengelirukan kerana masing-masing berada dalam konteks dan mewakili dimensi yang berbeza.



Istilah Islam dalam konteks kajian ini boleh kita rujuk sebagai *ad-din* iaitu sebagai satu cara hidup yakni sebagai satu sistem kepercayaan. Sehubungan dengan ini maka domain Islam pula boleh kita nisbahkan kepada sesiapa sahaja, sama ada orang Arab atau bukan Arab, di mana-mana wilayah di dunia ini yang menganuti Islam. Definisi ini begitu komprehensif kerana Islam, melalui usaha dakwah selepas wafatnya Rasulullah s.a.w., telah tersebar ke serata pelosok alam ini di empat benuanya hingga menjadi antara agama yang terbesar di dunia kini. Justeru, ia menjadi satu sistem kepercayaan, bahkan sistem kehidupan yang *syumul* dan inklusif merentasi semua sempadan geografi, kaum, warna kulit dan negara.

Namun, skop kajian ini akan membataskan domain Islam ini kepada umat Islam di Timur Tengah dan tempat-tempat lain yang masih bergolak dengan pihak yang berseteru dengan mereka. Ini adalah kerana umat Islam nusantara secara umumnya masih belum terlibat dalam kancah perang dengan pihak Barat. Walaupun bibit-bibit tercetusnya konflik telah berlaku, seperti peristiwa pengeboman di Bali (2001) dan Hotel J.W. Marriot Indonesia (2003) tetapi ia berjaya ditangani oleh pihak berkuasa tempatan daripada merebak menjadi konflik berpanjangan sehingga memaksa campur tangan pihak Barat. Wilayah konflik yang menjadi sasaran pihak Barat ialah Timur Tengah, khususnya di Palestin dan Iraq.

Manakala pihak Barat merujuk kepada kerajaan dan negara demokrasi Amerika Utara, Eropah Barat dan juga Australia yang telah berperanan sebagai sekutu politik dan ketenteraan kepada kepimpinan Amerika Syarikat selepas Perang Dunia II. Sungguhpun

negara-negara tersebut berbeza identiti, budaya, sosial dan sistem politiknya, namun mereka tetap bersatu terutamanya apabila mereka menghadapi musuh dan ancaman yang sama (dalam kes ini ancaman Islam atau *Islamic threat*) yang boleh mengancam kepentingan strategik mereka, terutamanya dari segi penguasaan ekonomi global.<sup>3</sup>

Oleh itu, pihak-pihak lain yang bersengketa dengan Islam atau dengan Barat tidak akan dilibatkan dalam kajian ini. Adapun dari segi mengatasi konflik Islam dengan Barat, kaedah yang dilihat ialah hanya tertumpu kepada aspek dialog atau interaksi secara aman bagi mencapai resolusi ke atas konflik Islam dengan Barat.

## 1.5 Sistematika Penulisan

Disertasi ini di bahagikan kepada tujuh (7) bab utama.

Bab Satu adalah bab pendahuluan yang menghuraikan latarbelakang masalah, metodologi kajian, kajian kepustakaan dan skop kajian, sistematika penulisan dan kepentingan kajian ini. Bab ini juga akan mendefinisikan istilah 'Islam' dengan 'Barat' seperti yang terdapat dalam tajuk kajian ini.

Bab Dua akan memberikan latar belakang konsep dialog peradaban dan keperluan menganjurkannya di semua peringkat, sama ada tempatan mahu pun dunia antarabangsa.

---

<sup>3</sup> Amin Saikal, *Islam and The West: Conflict or Cooperation ?* (New York: Palgrave Macmillan, 2003), hlm. 2

Bab ini akan diawali oleh sedikit maklumat mengenai sejarah kemunculan dialog peradaban secara umum di antara Islam dengan kuasa Barat.

Bab Tiga pula akan menyoroti peristiwa-peristiwa signifikan mengenai bentuk hubungan Islam dengan Barat, seperti yang terakam dalam sejarah dan keadaan yang wujud kini. Penulis akan cuba melihat persepsi kedua-dua pihak terhadap satu sama lain kerana ia penting sebagai kerangka pemikiran yang membentuk pandangan semesta dan kepercayaan yang mempengaruhi bentuk tindakan masing-masing sama ada cenderung ke arah perdamaian atau permusuhan.

Bab Empat pula membincangkan mengenai peranan positif yang boleh dihasilkan melalui aktiviti dialog peradaban. Untuk mencapai matlamat ini etika atau kod kesantunan semasa dialog dikemukakan agar semua peserta sentiasa terikat dengan satu ‘peraturan’ atau adab yang universal. Dalam konteks pemahaman bahawa dialog adalah untuk mencari kesefahaman antara Islam dengan Barat, dan bukannya suatu proses debat – seperti yang difahami kebanyakan pihak – akan ditekankan penulis.

Manakala Bab Lima akan memberikan imbalan kepada bab sebelumnya iaitu penulis menyenaraikan kemungkinan-kemungkinan wujudnya kekangan untuk penganjuran dialog peradaban. Kekangan-kekangan ini, pada pendapat penulis, lebih bersifat peranan dunia antarabangsa yang lebih berautoriti untuk menggerakkan usaha murni ini.

Dalam Bab Enam pula penulis akan mencadangkan kaedah-kaedah yang bersesuaian dan praktikal bagaimana kekangan-kekangan yang dinyatakan dalam Bab Lima dapat diatasi dengan penglibatan semua pihak.

Bab Tujuh akan mengakhiri kajian ini dengan mengemukakan harapan dan jangkaan penulis mengenai nasib dialog peradaban pada masa hadapan berdasarkan kepada realiti semasa kini. Input daripada sudut agama, sosial dan politik akan membantu membentuk pandangan penulis di akhir penulisan disertasi ini. Turut dimasukkan dalam bab ini ialah cadangan untuk memperbaiki kajian ini pada masa akan datang.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Harapan penulis dapatan daripada kajian ini kelak dapat memberikan kecelikan dan kesedaran di kalangan masyarakat tempatan dan antarabangsa terhadap tuntutan untuk hidup bersama (*co-exist*) secara harmoni kerana 'Bumi (adalah) untuk semua' seperti yang pernah diungkapkan oleh Pramodya Ananta Toer. Penulis berpendapat kedua-dua kuasa Islam dengan Barat ini harus mempunyai hubungan rapat kerana faktor kesamaan dalam agama<sup>4</sup> sepertimana yang pernah terjalin dalam sejarah silam - walaupun singkat - dan bukan sebaliknya.

---

<sup>4</sup> Islam dan Kristian (Nasrani) adalah berasal dari rumpun tiga agama Ibrahim, bersama Yahudi. Cuma mengikut sejarahnya, Islam adalah relatif agama yang 'muda' kerana diturunkan sebagai wahyu kepada Muhammad s.a.w. sekitar awal abad ke-7 M. Dalam aqidah, umat Islam beriman dengan kesempurnaan syariat Muhammad, tapi tidak menafikan kerasulan Isa (Kristian) dan nabi-nabi terdahulu yang membawa syariat Yahudi seperti Nabi Daud (Kitab Zabur) dan Nabi Musa (Kitab Taurah) untuk bani Israel. Lihat juga pandangan Muhammad Imaduddin Abdulrahim dalam artikelnya bertajuk Mengapa Perlu Dialog?

Melalui kajian ini juga diharapkan khalayak umum kelak dapat diberikan kefahaman mengenai kepentingan dialog peradaban sebagai salah satu kaedah menangani isu-isu kemanusiaan seperti peperangan antara masyarakat kerana faktor agama atau ekonomi atau faktor-faktor lain yang menyumbang kepada konflik dalam hubungan semasa Islam dengan Barat. Kaedah-kaedah mengatasi halangan dalam dialog ini akan dikemukakan agar usaha murni ini dapat diambil dan dilangsungkan secara menyeluruh dan lebih efektif. Walaubagaimanapun penulis percaya bahawa kajian ini tidak dapat menawarkan penyelesaian yang muktamad dan terbaik kerana ia masih mempunyai keterbatasannya. Permulaan penyelesaian adalah dirintis melalui kefahaman terhadap isu atau permasalahan secara objektif dan rasional. Kajian ini dijangka dapat memenuhi matlamat ini.